

# Muhyiddin dinasihati letak jawatan

oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya meletak jawatan selepas berlakunya pergeseran antara Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan UMNO.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pelbagai nasihat sudah diberi sebelum ini.

“Nasihat sudah diberi tapi tidak mahu dengar sebab nak buat juga (bergabung dengan UMNO).

“Nasihat saya sekarang, Muhyiddin, awak nampak tidak kukuh... Letak jawatan lah,” katanya pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai isu membabitkan kemelut UMNO dengan Bersatu.

Semalam, Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan, dalam kenyataan dikeluarkan sejourus selesai mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT), memaklumkan bahawa usul memutuskan hubungan dengan Bersatu sambil mempertahankan kerjasama dengan Pas, akan dibawa ke Perhimpunan Agung UMNO pada hujung bulan ini.

Ketua Penerangan Bersatu, Wan Saiful Wan Jan pula dalam kenyataan selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) berkata, tindakan be-



berapa pihak secara berterusan melakukan percaturan politik ketika rakyat sedang berdepan ancaman pandemik Covid-19 dan bencana banjir, disifatkan sebagai tidak kena pada masanya, tanpa menyeybut mengenai hubungan dengan UMNO.

Ditanya mengenai ramlannya berhubung kerjasama UMNO-Bersatu, Dr. Mahathir berkata:

“Macam yang kamu katakan tadi, saya sudah ramalkan perkara ini semasa mereka mahu bentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN).

“Saya beritahu kepada Muhyiddin bahawa dia akan menghadapi masalah dengan UMNO kerana UMNO adalah parti yang besar, dan parti kamu kecil dan bergantung kepada mereka.

“Jika mereka tarik balik sokongan, kamu akan habis tapi Muhyiddin kata dia boleh tangani masalah mereka.

“Sekarang saya mahu lihat bagaimana dia mahu tangani isu ini,” katanya.

Muhyiddin membentuk kerajaan pada Mac tahun lalu bersama-sama BN, Pas dan Gabungan Parti Sarawak (GPS).